



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 12 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NELAYAN ASING DICEKUP TANGKAP IKAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	LPP MAHU JALIN KERJASAMA MARDI LAKSANA PENYELIDIKAN TANAM BAWANG, NASIONAL, BH -6	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	BAWAL RM106,427 TAK JADI MASUK SINGAPURA, LOKAL, HM -3	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	GAGAL SELUDUP 2,940KG IKAN BAWAL KE SINGAPURA, SINAR NEGERI JOHOR, SH -35	
5.	BENIH, MAKANAN UDANG BERNILAI RM62,900 DIRAMPAS, SINAR NEGERI KEDAH, SH -34	
6.	GADIS KENDALI DRON RACUN SAWAH, SINAR NEGERI KEDAH, SH -34	LAIN-LAIN
7.	CUACA PANAS JEJAS REZEKI NELAYAN, SINAR NEGERI PERLIS/PULAU PINANG -33	
8.	TANAM CILI MERAH KAEDAH FERTIGASI, XPRESI, METRO AHAD -38	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Antara warga asing yang dicekup dalam Op Gelora di Peraliran Pulau Sembilan Kelantan.

Nelayan asing dicekup tangkap ikan

KLANG - Keasyikan nelayan warga asing menangkap hasil laut di Peraliran Pulau Sembilan terbantut apabila ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 1 menerusi Op Gelora kelmarin.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang, Deputy Superintendan Hazri Zakaria berkata, seramai enam warga Myanmar membabitkan dua tekong dan empat awak-awak diberkas dalam dua operasi berasingan bermula jam 6.45 petang.

"Tangkapan pertama berjaya selepas kita mengesan sebuah bot tunda yang berada dalam keadaan mencurigakan sebelum bertindak menaham empat warga Myanmar."

"Susulan itu, operasi seterusnya turut mengesan dan menaham sebuah lagi bot tunda yang dikendalikan dua warga Myanmar," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan di kedua-dua bot terbabit, pihaknya telah bertindak merampas pelbagai jenis ikan seberat kira-kira 200 kilogram (kg) bernilai RM4,000.

Katanya, semakan mendapati antara kesalahan utama yang dikesan adalah melanggar syarat lesen iaitu menggunakan pekerja asing tanpa kebenaran bertulis daripada pengarah perikanan.

"Dipercayai warga asing ini telah aktif hampir setahun dengan digajikan oleh pengusaha tempatan sebelum hasil ikan dijual kepada peraih."

"Kes tersebut telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perikanan untuk tindakan mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

LPP mahu jalin kerjasama MARDI laksana penyelidikan tanam bawang

Kuala Lumpur: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) mahu bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), bagi menjayakan penyelidikan penanaman bawang, sekali gus mengurangkan kebergantungan import.

Pengerusi LPP, Dabuk Mazlan Ailman, berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan MARDI dan Jabatan Pertanian, berhubung perkara itu yang disifatkan positif kerana boleh menjana sumber pendapatan baharu bagi petani tempatan.

Beliau berkata, antara bantuan boleh diberikan LPP dalam usaha menjayakan penyelidikan itu ialah menyediakan lokasi penanaman yang bersesuaian.

"LPP menyambut baik kesediaan MARDI menjalankan penyelidikan, mengenal potensi penanaman bawang di negara ini.

"Kebergantungan pada import tidak harus dikekalkan. Ia penting bagi keselamatan makanan dan mengelakkan negara daripada terkesan dengan sebarang konflik, yang menyebabkan harga naik mendadak akibat kekurangan bekalan.

"Perbincangan awal bakal dimulakan bagi tujuan itu, selagi mengenal pasti lokasi dan kegunaan tanah," katanya.

BH semalam melaporkan, MARDI mempertimbangkan melaksanakan semula penyelidikan penanaman bawang, bagi membantu mengurangkan kebergantungan Malaysia pada negara lain.

Kebergantungan itu menyebabkan bekalan terutama bawang merah terjejas sejak September tahun lalu, apabila pengeksport seperti India menghentikan penghantaran ke Malaysia berikutan cuaca tidak menentu serta pilihan raya negara berkenaan, selain memberi tumpuan kepada keperluan rakyatnya.

Malah, keadaan itu turut memberi kesan terhadap harga bawang merah India yang didakwa meningkat hingga RM24 sekilogram, seperti dilaporkan berlaku di Pulau Pinang.

Sementara itu, Pengerah Pusat Penyelidikan Hortikultur MARDI, Dr Johari Sarip, berkata agensi itu pernah melaksanakan penyelidikan bawang pada 1980-an hingga 1990-an, selain kajian teknologi antaranya berkaitan keperluan iklim dan tanah, penyediaan anak semaian serta sistem penanaman di ladang.

Bagaimanapun, Johari berkata, kajian mendapati ia tidak ekonomik dilaksanakan pada waktu itu memandangkan kos penanaman tinggi, harga jualan ladang kurang menguntungkan dan serangan penyakit.

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan sebuah lori membawa keluar 2,940 kilogram ikan bawal putih dan hitam sejuk beku bernilai RM106,427.80 di laluan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor Bahru, Johor, kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, pemeriksaan awal mendapati pemandu lori terbabit membawa muatan itu tanpa permit eksport ke Singapura.

"Hasil pemeriksaan lanjut, kita mendapati lori itu membawa 127 kotak ikan bawal hitam dan 167 kotak lagi muatan bawal putih.

"Setiap kotak seberat 10 kilogram dan jumlah keseluruhan barangan yang dirampas dianggarkan bernilai RM106,427.80," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, semua barang dagangan itu ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 11(2), Akta



LORI muatan ikan bawal yang cuba dibawa keluar ke Singapura ditahan Maqis di Kompleks Sultan Abu Bakar Johor Bahru.

Bawal RM106,427 tak jadi masuk Singapura

Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya

sekali," katanya.

Nur Afifah berkata, penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa di semua pintu keluar dan masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan

terpelihara.

"Buat masa ini, sekatan sementara terhadap pengeksporan ikan bawal hitam dan putih sedang dilaksanakan.

"Namun, pengecualian sekatan diberikan bagi spesies ikan bawal emas," katanya.



Lori yang membawa 127 kotak ikan bawal hitam sejuk beku dan 167 kotak ikan bawal putih sejuk beku ditahan kelmarin.

Gagal seludup 2,940kg ikan bawal ke Singapura

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majis) Johor berjaya mematahkan cubaan sebuah lori menyeludup 2,940 kilogram (kg) ikan bawal putih dan bawal hitam sejuk beku bernilai RM106,427 ke Singapura kelmarin.

Pengarah Majis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, pemeriksaan dilakukan di laluan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Johor Bahru (KSAB) pada jam 12.30 tengah hari itu

mendapati pemandu lori terbabit membawa muatan tanpa permit eksport ke Singapura.

"Hasil pemeriksaan mendapati lori tersebut membawa 127 kotak berisi muatan ikan bawal hitam sejuk beku dan 167 kotak berisi muatan ikan bawal putih sejuk beku.

"Setiap kotak seberat 10 kilogram dengan berat keseluruhan sebanyak 2,940kg bernilai RM106,427," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, semua barang dagangan itu ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

"Buat masa ini sekatan sementara terhadap pengeksportan ikan bawal hitam dan putih telah dilaksanakan namun pengecualian sekatan telah diberikan bagi spesies ikan bawal emas," katanya.

Gadis kendali dron racun sawah

Mahu buktikan perempuan mampu hadapi cabaran

Oleh WAN MOHD NOOR HAFFIZ
WAN MANSOR

ALOR SETAR

Dua gadis membuktikan mereka juga mampu mengendalikan dron dalam kerja-kerja meracun di sawah selepas mengambil cabaran untuk bekerja di Easyfly Autonomous Solution Sdn Bhd sejak tahun lalu.

Adhlin Syuhada Mat Saad, 21, berkata, berkecimpung dalam dunia dron adalah satu pengalaman baru buatnya namun tidak menjadikannya sebagai alasan malah mahu membuktikan



Adhlin Syuhada (kiri) dan Siti Zainab memelihara dron yang digunakan untuk latihan dan kerja-kerja di lapangan di pejabat Easyfly Autonomous Solution Sdn Bhd, Alor Setar.



Kerja-kerja meracun sawah padi menjadi lebih cepat dengan menggunakan dron.

kan bahawa dirinya juga mampu mengendalikan alat tersebut.

Menurutnya, dia yang sebelum ini belajar di dalam bidang pemasaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas) juga mahu membuktikan bahawa wanita juga mam-

pu bekerja dan terlibat di lapangan yang sebelum ini dikuasai golongan lelaki.

"Banyak benda baru yang saya belajar kerana tidak sama dengan jurusan yang diambil semasa belajar di Polimas sebelum ini.

"Saya berjaya menerbangkan dron dan mahu membuktikan bahawa memang perempuan juga mampu melakukan kerja-kerja ini," katanya semasa bersama pasukannya melakukan kerja-kerja meracun di sawah padi menggunakan dron di Kampung Pengapit Batu, Jalan Datuk Kumbang di sini baru-baru ini.

Adhlin Syuhada berkata, wanita juga mampu melakukan banyak kerja di lapangan sekiranya turut diberikan peluang seperti yang diperolehi lelaki.

"Memang perempuan juga

boleh masuk bidang (sawah), tidak semua yang kaki 'shopping'. Perempuan juga boleh buat kerja lelaki. Jangan pandang rendah pada perempuan," katanya.

Perkara itu turut disokong oleh Siti Zainab Samsudin, 21, yang turut sama-sama bekerja di pusat latihan dan pengendalian dron tersebut dalam usaha merebut peluang pekerjaan di dalam revolusi industri 4.0.

Siti Zainab yang belajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam jurusan perkauman berkata, mereka berdua diberi peluang untuk belajar dan mengendalikan dron secara praktikal dan peluang tersebut wajar dimanfaatkan sebaik mungkin.

"Mencabar sikit bidang ini sebab belajar lain pasal hutan

tapi bila datang sini kena belajar macam-macam bukan setakat bawa dron sahaja tapi juga cara nak pasang dron," katanya.

Kemahiran yang dimiliki oleh dua gadis tersebut mendapat perhatian Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar yang turut turun meninjau proses menyemur racun yang dikendalikan oleh pasukan dron tersebut.

Mahfuz berkata, apa yang ditunjukkan oleh dua pekerja wanita itu mampu mewujudkan persaingan positif kepada golongan lelaki terutamanya dalam lapangan dron.

"Seharusnya anak-anak muda lelaki menjadikan dua wanita ini sebagai pencabar mereka untuk kembali bersama-sama mengusahakan tanaman padi ini," katanya.



Mahfuz (kiri dari kanan) melihat Adhlin Syuhada (dua dari kanan) mengendalikan dron untuk meracun sawah padi di Kampung Pengapit Batu, Jalan Datuk Kumbang baru-baru ini.

Benih, makanan udang bernilai RM62,900 dirampas

BUKIT KAYU HITAM - Lima bungkusan mengandungi benih udang dan makanan udang dirampas Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 3 Briged Utara dalam pemeriksaan berhampiran kawasan ladang kelapa sawit Black Forest awal pagi kelmarin.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendan Rosman Kasman berkata, ketika pasukan membuat rondaan dalam Op Wawasan Kedah/Perlis di kawasan Black Forest, anggota menjumpai beberapa bungkusan plastik hitam dan beberapa kotak berwarna coklat di dalam semak.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut terdapat lima bungkus plastik hitam mengandungi 35 bungkus plastik lut sinar benih udang, lima kotak mengandungi 60 tin makanan udang serta 30 bungkus makanan udang.

"Anggaran nilai benih udang yang dirampas mencecah RM56,000 manakala 30 bungkus makanan udang dianggarkan bernilai RM900 serta 60 tin ma-



Bungkusan lut sinar mengandungi benih udang yang diepembungkusan dalam plastik hitam.

kunan udang bernilai RM6,000," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Abdul Ghani berkata, setelah melakukan pemeriksaan selama dua jam, tiada individu tampil mengambil bung-

kusan tersebut.

"Kesemua barang yang dirampas diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk tindakan lanjut," katanya.



Makanan udang dalam bungkus dan tin turut dirampas kelmarin.

Cuaca panas jejas rezeki nelayan

Sumber ikan turut merosot selain nelayan sukar turun laut

Oleh NORJULIANA YAACOB

KUALA PERLIS

Kadaan cuaca tanpa hujan dalam tempoh hampir sebulan didakwa telah menjejaskan sumber ikan yang menjadi pendapatan utama nelayan di Perlis.

Pengerusi Persatuan Pendudukan dan Kebajikan Jaringan Nelayan-Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) Perlis, Musa Safar berkata, keadaan itu turut menyebabkan nelayan beralih arah kepada pekerjaan lain dan tidak lagi menjadikan rutin ke laut sebagai pekerjaan utama.

Menurutnya, kemerosotan hasil perikanan berlaku sejak



Musa melihat keadaan perairan sungai yang semakin merosot di pelantar ikan Kampung Bahagia, Kuala Perlis semalam.



ALIAS

dua bulan lalu menyebabkan pendapatan mereka turut terjejas sehinggalah jumlah nelayan sekitar Kuala Perlis berjumlah 1,600 sebelum ini hanya tinggal 200 orang.

"Dulu sebuah bot nelayan mampu memperoleh pendapatan sekitar 200 kilogram (kg) ikan tetapi sekarang nak dapat 15kg

ikan setiap kali turun ke laut pun sangat susah," katanya ketika ditemui di pelantar ikan Kampung Bahagia, Kuala Perlis di sini semalam.

Katanya, hasil diperoleh juga tidak membantu meningkatkan pendapatan nelayan kerana kos minyak didakwa melebihi kos pendapatan.

"Ada dajam kalangan yang masih ke laut telah pun mengambil inisiatif untuk menumpang bot rakan yang lain kerana mereka sudah tidak mampu menampung kos minyak disebabkan sumber ikan yang diperoleh tidak berbaloi," katanya.

Seorang nelayan, Alias Harun, 48, berkata, keadaan cuaca

yang panas turut menyebabkan sungai di kawasan pelantar menjadi kering sehingga memberi halangan kepada pergerakan bot.

"Kadang-kadang tu jam 6 pagi lepas subuh kita dah siap siap ada di pelantar nak turun ke laut tapi bot tak boleh nak bergerak sebab air sungai tak ada," katanya.

Kapal kargo berlabuh tanpa kebenaran ditahan



Kapal yang berdaftar di Belanda ditahan kerana berlabuh tanpa kebenaran di perairan Pulau Pinang kelmarin.

GEORGETOWN- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah kapal kargo di perairan Pulau Pinang selepas didapati berlabuh tanpa kebenaran.

Kapal kargo ANET sepanjang 143 meter yang berdaftar di Belanda itu ditahan pada kedudukan 22.2 batu nautika barat daya Pulau Kendi kira-kira jam 12.30 tengah hari kelmarin.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, kapal tersebut dikendalikan 12 kru termasuk

seorang nakhoda dengan tiga daripada mereka warga Belanda, enam Filipina, dua Ukraine dan seorang warga Rusia.

"Kesemua yang ditahan berusia 20 sehingga 57 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Hamizan berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 491B(1)(I) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 kerana bersaah tanpa kebenaran Pengarah Laut dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

Padah berlumba sesama sendiri

KUALA PERLIS - Dua lelaki yang menunggang motosikal Yamaha 152r dan Yamaha LC135 ditahan ketika sedang berlumba sesama sendiri di KM10 Jalan Kuala Perlis-Changlun berhampiran jambat Titi Chai, Kangar tengah malam kelmarin.

Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Perlis, Deputi Superintendan Rusli Yahaya berkata, kedua-dua penunggang masing-masing berusia 20 dan 15 tahun itu ditahan menerusi Op Samseng Jalanan kerana me-

nunggang secara berbahaya.

Menurutnya, dua remaja berkenaan melakukan aksi menundukkan badan serta aksi memotong sesama sendiri dalam kelajuan yang tinggi.

"Skuad Khas polis yang sedang menjalankan rondaan bertindak mengekori remaja tersebut dan seterusnya berjaya membuat tangkapan di Kangar.

"Remaja terbabit direman sehari dan kes disiasat mengikut Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya di sini semalam.



Seorang remaja yang ditahan kerana menunggang motosikal secara berbahaya di Jalan Kuala Perlis-Changlun kelmarin.

Timbalan Pesuruhjaya 1 Pas Perlis rebah di hospital

KANGAR - Timbalan Pesuruhjaya 1 Pas Perlis, Yussainie Yahya yang dilaporkan rebah kelmarin ketika mendapatkan rawatan susulan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini telah sedarkan diri dan berada dalam keadaan stabil.

Pesuruhjaya Pas Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, Yussainie, 40, kini diletakkan di bawah pemantauan doktor di HTF dan hanya ahli keluarga terdekat dibenarkan melawat.

Mohd Shukri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sanglang meminta orang ramai untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung keadaan kesihatan Yussainie.

Selain itu, Pas Perlis turut merayu orang ramai untuk tidak melawat Timbalan Pesuruhjaya 1 Pas itu sebagai menghormati permintaan ahli keluarganya Yussainie dan membolehkan beliau mendapatkan rehat secukupnya.

Sehubungan itu, orang ramai diminta untuk mendoakan agar Yussainie segera pulih.

Sebelum ini, Shukri pernah dikejar-kejar ke HTF dan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan ditempatkan di Unit Rawatan Koronori (CCU) apabila beliau rebah ketika menyampaikan ucapan pada Ceramah Muafakat Perdana Nasional di Dewan 2020, Kangar pada September tahun lepas. - *Bernama*

TANAM CILI MERAH KAEDAH FERTIGASI

Pemilihan, penyediaan tapak projek langkah kritikal dalam menentukan kejayaan



AGRO

Oleh Zakiie Saadli
zaisa@metro.com.my

Cili merah atau *Capsicum annuum* adalah tanaman jangka masa singkat yang bernilai tinggi. Penanaman cili merah di negara ini dijalankan menggunakan kaedah konvensional dan sistem fertigasi.

Bagaimanapun, rata-rata petani menggunakan sistem fertigasi bertukar penanaman cili merah menggunakan teknologi ini terbukti dapat meningkatkan hasil dan mempunyai daya maju yang tinggi.

Kos atau modal permulaan tinggi akan dilabangi hasil pengeluaran yang tinggi. Ia juga terbukti berkesan dalam meningkatkan pertumbuhan dan hasil tanaman cili merah sehingga tiga hingga empat kali ganda berbanding kaedah konvensional.

Teknologi ini juga lebih mesra alam berbanding kaedah konvensional dan mengikut amalan pembangunan pertanian lestari, di samping mematuhi agenda pertanian negara.

Fertigasi berasal dari dua perkataan Inggeris iaitu 'fertilization' dan 'irrigation'. Sistem ini juga satu daripada cabang hidroponik yang antara lainnya ialah seperti Sistem Titis Mikro, Hidroponik Aliran Dalam, Hidroponik Aliran Cetek, Hidroponik statik, Aeroponik

dan Pemercik Mikro. ---

Selain cili, sistem fertigasi juga sangat sesuai bagi tanaman sayur berbuah dan berdaun seperti tomat, timun, jeron, cili merah, terung, melon, cili sayur, strawberi serta pokok hiasan. Ia juga sangat sesuai untuk tanaman yang bernilai tinggi di pasaran.

Tanaman sistem fertigasi bertujuan mengelak serangan penyakit akar disebabkan serangga kulat seperti *pythium*, *fusarium*, *rhizotom* dan penyakit layu bakteria yang berpunca daripada tanah.

Dalam sistem ini, pembajaan dan pengairan dilakukan secara serentak. Sistem fertigasi juga satu kaedah tanaman alternatif bagi mengelakkan penyakit bawaan tanah (soil borne disease) seperti pitium, di samping meningkatkan hasil tanaman. Penyakit bawaan tanah seperti pitium dan *fusarium* mengurangkan dan merosakkan hasil tanaman.

Pemilihan dan penyediaan tapak projek fertigasi adalah langkah kritikal dalam menentukan kejayaan projek penanaman cili fertigasi secara terbuka tanpa menggunakan struktur pelindung hujan ialah kaedah alternatif kepada pengusaha yang ingin menggunakan teknologi fertigasi, tetapi mempunyai modal atau peruntukan yang terhad.

Tapak projek yang dipilih hendaklah mempunyai sumber air bersih seperti air

kolam, tasik, sungai, mata air, air bawah tanah (tube well) atau sumber lain.

Kualiti air seperti tahap keasidan (pH) perulah diperiksa terlebih dahulu bagi memastikan air itu boleh digunakan. Nilai pH yang sesuai untuk tanaman cili antara 5.5 hingga 6.5. Nilai pH dapat ditentukan dengan meter pH atau menggunakan kertas litmus.

Penggunaan air paip sangat sesuai dengan mengambil kira penambahan kepada kos utiliti. Tapak projek perlu diratakan supaya aliran air baja yang diberikan kepada pokok adalah sama.

Pemberian kuantiti air baja yang sama kepada setiap pokok adalah penting supaya pokok cili dapat mencapai pembesaran seragam. Selepas selesai kerja menyiapkan tapak, tikar 'silvershite' atau 'weed suppressor' dibentangkan bagi mengelakkan tapak projek daripada ditumbuhi rumput.

Bagi penanaman cili, dua jenis polibeg iaitu bantal dan tegak digunakan. Polibeg berwarna hitam bersaiz kira-kira 50 sentimeter (sm) untuk polibeg bantal dan 40cm untuk polibeg tegak adalah disyorkan.

Penggunaan polibeg hitam lebih tahan lasak dan lama berbanding polibeg putih. Sistem fertigasi bagi penanaman cili mempunyai peralatan lengkap seperti tangki air baja dengan muatan 900 gelen, pam air, pengatur masa, penapis, injap dan paip poli yang terbahagi kepada paip utama, paip sekunder dan paip lateral serta mikro tiub berfungsi membawa larutan nutrien ke setiap beg tanaman.

Jarak antara baris yang disyorkan ialah 13sm, manakala jarak antara polibeg ialah empat sm serta disusun sebaris bagi memudahkan kerja pengurusan tanaman. Sistem fertigasi perlu dipasang sebelum anak pokok cili dipindahkan ke dalam polibeg. Sistem pengaliran juga boleh diautomasikan dengan pemasangan pengatur masa.

Varieti cili hibrid disarankan bagi penanaman secara fertigasi seperti Kulai dan Cili Bangi, manakala bagi cili padi yang berpotensi pula seperti Cili Bera, Cenil dan Full Sky. Bagaimanapun, pemilihan varieti bergantung kepada kehendak dan permintaan pengguna bagi memudahkan aktiviti penanaman.



1. ANAK benti cili ditanam dalam dulang sebelum dipindah ke polibeg.

2. ANAK benti cili berusia 70 hingga 21 hari sedia dipindahkan ke dalam polibeg.

3. PENYIS dalam polibeg untuk proses menyiram.

4. MEDIUM sebat kelapa digunakan untuk penanaman cili fertigasi.

5. ANTARA penyakit yang menyerang pokok cili.

6. CILI tumbuh subur dengan teknik yang betul.

7. PENANAMAN cili fertigasi dengan sistem undangan hujan.

8. BAJA cili fertigasi terbahagi kepada dua bahagian.

9. CARA penyediaan baja untuk cili fertigasi ditunjukkan Penolong Pegawai Pertanian, Bahagian Pembangsan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian, Muhammad Akmal Ahmad Puda.

